

## **Pembunuhan *Rahmah***

### **Mukadimah**

Alhamdulillah, saya bersyukur kepada Allah atas segala kurniaan-Nya dan nikmat yang tidak terhingga. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi SAW, keluarga, para sahabat serta yang mengikut jejak langkahnya hingga hari kesudahan.

Sesungguhnya Islam merupakan agama yang sempurna merangkumi semua kehidupan dan segala cabangnya sama ada hubungan manusia dengan Tuhannya dan juga sesama manusia.

Antara ciri agama ini ialah wajib mempertahankan lima *dharuriyat* yang menjadi asas dalam membentuk kemuliaan masyarakat, ummah dan negara yang layak didaulatkan dengan *baladun tayyibatun wa rabbun ghafur*.

Antara keutamaan pemeliharaan yang mesti dijunjung ialah:

- Memelihara agama.
- Memelihara jiwa.
- Memelihara nasab keturunan.
- Memelihara akal.
- Memelihara harta.

Inilah yang menjadi keunggulan Islam berbanding dengan agama yang lain.

Dalam kertas kerja ini, isu berkenaan dengan Pembunuhan *Rahmah* cuba diketengahkan agar kefahaman umat Islam benar-benar mengerti isu berkaitan pembunuhan walaupun pada zahirnya seolah-olah dibolehkan.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih pada pihak hospital yang sudi menjemput saya untuk membincangkan isu ini agar dapat difahami sebaik mungkin. Segala kekurangan adalah kelemahan dari diri saya sendiri.

### **Pengertian Euthanasia atau Pembunuhan *Rahmah***

Dari segi bahasa *euthanasia* berasal dari bahasa Yunani, eu bermaksud 'baik', dan thanatos iaitu 'kematian'. Sementara dalam fiqh Islam, euthanasia ini diistilahkan dengan *qatl al-rahmah* (membunuh kerana kasihan) atau *taisir al-maut* (mempermudah kematian).

Secara istilah, maka *euthanasia* adalah praktik memudahkan kematian seseorang dengan sengaja tanpa merasai kesakitan atas dasar kasih sayang yang bertujuan meringankan penderitaan pesakit dengan cara positif (aktif) mahupun negatif (pasif).

*Euthanasia* biasa dilakukan dengan alasan bahawa rawatan yang diberikan kepada pesakit hanya menambahkan penderitaannya. Begitu juga atas pemerhatian pakar perubatan penyakit itu tidak mungkin sembuh atau tiada harapan untuk hidup dan ketidakmampuan pihak keluarga pesakit atas faktor kewangan dalam menyelesaikan setiap bil rawatan pesakit.

### **Bentuk-bentuk *Euthanasia* atau Pembunuhan *Rahmah***

Dalam definisi di atas sudah diisyaratkan bahawa *Euthanasia* atau Pembunuhan *Rahmah* mempunyai dua bentuk:

- *Euthanasia* atau Pembunuhan *Rahmah* Positif

Tindakan memudahkan kematian yang dilakukan oleh doktor dengan mempergunakan instrumen (alat), seperti suntikan ubat ke dalam tubuh pesakit.

Kes 1: Seseorang yang menderita penyakit kronik atau sudah sampai pada tahap kritikal. Dalam kes ini, doktor yakin pesakit tiada harapan untuk sembuh, maka diberikannya ubat (morfin dan lain-lain) dengan dos yang tinggi serta mampu menghilangkan rasa sakitnya, sekaligus menghentikan pernafasannya.

- *Euthanasia* atau Pembunuhan *Rahmah* Negatif

Tindakan menghentikan rawatan pesakit yang kritikal dari pemerhatian pakar perubatan dia tidak mungkin dapat disembuhkan. Terhentinya rawatan dengan menanggalkan alat bantu pernafasan dari pesakit yang jangka hayatnya bergantung pada alatan tersebut.

Kes 2: Seseorang yang koma, di mana otaknya sudah tidak berfungsi atau sudah mati. Dari pemerhatian pakar perubatan, orang ini tidak mungkin sembuh dan jika dia hidup hanya menyeksa diri sahaja dan satu-satunya alasan yang membuat dia masih hidup (tentunya dengan izin Allah) bergantung pada alat bantuan pernafasan. Oleh yang demikian, doktor menanggalkannya dan pesakit itu mati.

## Hukum Euthanasia atau Pembunuhan Rahmah

- Hukum Euthanasia atau Pembunuhan Rahmah positif

Euthanasia atau Pembunuhan Rahmah positif dengan semua bentuknya adalah haram dan merupakan dosa besar. Ini kerana ia termasuk dalam pembunuhan sengaja. Pembunuhan dengan sengaja dan dirancang adalah haram, walau apapun alasan yang dikemukakan sama ada atas dasar kasih sayang, permintaan pesakit sendiri, permintaan keluarga pesakit atau alasan lainnya yang jelas tidak diterima oleh syariah.

Firman Allah SWT:

قُلْ تَعَالَوْا أَتْلُ مَا حَرَّمَ رَبِّيَ عَلَيْكُمْ أَلَّا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَلَا تَقْتُلُوا  
أَوْلَادَكُمْ مِمَّنْ إِمْلَقِي نَحْنُ نَرْزُقُكُمْ وَإِيَّاهُمْ وَلَا تَقْرَبُوا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ  
وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ ذَلِكُمْ وَصَّيْتُكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ

**Maksudnya:** Katakanlah: Marilah kubacakan apa yang diharamkan atas kamu oleh Tuhanmu iaitu: Janganlah kamu mempersekutukan sesuatu dengan Dia, berbuat baiklah terhadap kedua orang ibu bapa, dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takut kemiskinan, kami akan memberi rezeki kepadamu dan kepada mereka, dan janganlah kamu mendekati perbuatan yang keji, baik yang nampak di antaranya mahupun yang tersembunyi, dan janganlah kamu membunuh jiwa yang diharamkan Allah (membunuhnya) melainkan dengan sesuatu (sebab) yang benar. Demikian itu yang diperintahkan kepadamu supaya kamu memahaminya).

(Surah al-An'am: 151)

Sekiranya ia atas permintaan pesakit, maka pesakit tersebut telah melakukan dosa yang sangat besar kerana telah membunuh dirinya. Begitu juga doktor dan pihak keluarga yang menyetujui dengan tersebut, maka semuanya berdosa kerana telah meredhai perbuatan tersebut.

Firman Allah SWT:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَن تَرَاضٍ  
مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا

**Maksudnya:** Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan suka sama-suka di antara kamu. Dan janganlah kamu membunuh dirimu, sesungguhnya Allah adalah Maha Penyayang kepadamu.

(Surah al-Nisa': 29)

Hukuman di dunia diserahkan kepada keluarga pesakit. Dan hal ini keluarga pesakit mempunyai tiga pilihan:

- Memaafkan doktor dan membebaskannya dari semua tuntutan dan ganti rugi.
- Meminta ganti rugi (diat) kepada doktor. Dan diat untuk pembunuhan dengan sengaja adalah 100 ekor unta atau yang senilai dengannya berupa emas dan perak atau 1000 dinar atau 12000 dirham menurut pendapat majoriti ulama, sementara 1 dinar setara dengan 4,25 gr emas.
- Menuntut doktor dengan hukuman mati (qisas). Jelas disini masalah qisas mempunyai beberapa hukum dan masalah tersendiri serta diperincikan dalam buku-buku fiqh.

Perkara di atas berdasarkan firman Allah SWT:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِصَاصُ فِي الْقَتْلِ ط الْحُرُّ بِالْحُرِّ وَالْعَبْدُ بِالْعَبْدِ وَالْأُنثَىٰ بِالْأُنثَىٰ ج  
فَمَنْ عَفَىٰ لَهُ مِنْ أَخِيهِ شَيْءٌ فَاتَّبِعْهُ بِالْمَعْرُوفِ وَأَدِّءْ إِلَيْهِ بِإِحْسَانٍ ق ذَلِكَ تَخْفِيفٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَرَحْمَةٌ  
فَمَنْ أَعْتَدَىٰ بَعْدَ ذَلِكَ فَلَهُ عَذَابٌ أَلِيمٌ ق

**Maksudnya:** Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu qisas berkenaan dengan orang-orang yang dibunuh, orang merdeka dengan orang merdeka, hamba dengan hamba, dan wanita dengan wanita. Maka barangsiapa yang mendapat suatu pemaafan dari saudaranya, hendaklah (yang memaafkan) mengikuti dengan cara yang baik, dan hendaklah (yang diberi maaf) membayar (diat) kepada yang memberi maaf dengan cara yang baik (pula). Yang demikian itu adalah suatu keringanan dari Tuhan kamu dan suatu rahmat. Barangsiapa yang melampaui batas sesudah itu, maka baginya siksa yang sangat pedih.

(Surah al-Baqarah: 178)

- Hukum Euthanasia atau Pembunuhan *Rahmah* negatif

Jika kita memperhatikan praktik *Euthanasia* atau Pembunuhan *Rahmah* pasif ini, maka kita boleh mengetahui bahawa sebenarnya hakikat *Euthanasia* atau Pembunuhan *Rahmah* pasif ini adalah tindakan menghentikan rawatan. Ini kerana diyakini (atau dugaan besar) rawatan itu tidak bermanfaat dan hanya akan menambah kesusahan bagi pesakit.

Apakah berubat itu hukumnya wajib, sunnah, atau mubah?

- Jika berubat hukumnya wajib, maka bererti menghentikan rawatan (*euthanasia* pasif) hukumnya adalah haram.
- Jika berubat hukumnya sunnah, maka menghentikan rawatan (*euthanasia* pasif) hukumnya adalah makruh.
- Dan jika berubat hukumnya mubah (harus), maka menghentikan rawatan (*euthanasia* pasif) hukumnya adalah mubah (harus).

### **Fatwa Ulama berkenaan Pembunuhan *Rahmah***

Tiada khilaf di kalangan ulama bahawa yang diiktibar dalam pembunuhan *rahmah* sebagai satu jenayah yang keji kerana melanggar hak manusia untuk hidup. Berkenaan dengan pembunuhan *rahmah* ulama telah khilaf dalam fatwa masing-masing:

- Syeikh al-Azhar Ali Tantawi tidak bersetuju dengan pembunuhan *rahmah* kecuali jika otak pesakit sudah mati, maka harus pakar perubatan mencabut alat bantuan pernafasan. Ini kerana kehidupan manusia adalah amanah. (Februari 2000)
- Fatwa Dar al-Ifta' Kuwait 13 Ogos 2001, antara lain menyebut: Pesakit dibunuh dengan cara *rahmah* adalah haram sama ada ia muslim, kecil ataupun sakit kecuali kerana tiga sebab berdasarkan nas.

Walaupun begitu, pesakit yang tiada harapan sembuh dengan cara mengubati, maka hukumnya tidak wajib mengikut syarak kerana ketika itu termasuk dalam zan yang dianggap sebagai galakan bukan kewajipan. Justeru, perubatan dan keputusan rasmi dari pihak yang bertanggungjawab mestilah seiring dengan kehendak syarak tanpa menyalahinya.

- Syeikh Atiyyah Saqar berpendapat tidak harus membunuh orang yang tiada harapan sembuh kerana ajal maut di tangan Allah SWT. Justeru, haram kepada pesakit tersebut membunuh diri atau orang lain membunuhnya sekalipun mendapat keizinan dari pesakit tersebut. Atas asas ini juga tidak boleh membunuh pesakit aids.

- Fatwa dan keputusan Majma' Fiqh Islami 1407/1986, antara keputusannya ialah:
  - Jika hati dan pernafasan sudah berhenti sepenuhnya dan tidak mungkin hidup lagi, maka ia dikira sebagai mati.
  - Jika segala fungsi otak sudah rosak kesemuanya dan pakar perubatan menganggap tidak mungkin dapat kembali hidup lagi, maka ia dikira mati.

Keadaan ini harus dicabut bantuan pernafasan sekalipun sebahagian anggota masih hidup maka ia seperti mati.

- Majlis Fatwa Eropah berpendapat haram pembunuhan *rahmah* secara langsung ataupun tidak langsung. Harus memudahkan kematian dengan syarat-syaratnya tanpa menggunakan ibarat atau perkataan yang memberi maksud pembunuhan.
- Syeikh al-Azhar Jada al-Haq Ali Jada al-Haq menyatakan: Pesakit yang sentiasa mendapat bantuan alat pernafasan boleh diangkat sekiranya segala fungsi otaknya sudah rosak.
- Syeikh Bilal Barudi berkata: Kematian *rahmah* dalam semua keadaan tidak diterima dan begitu juga tidak harus bagi kita menamakannya dengan kematian rahmat kerana ia hanya untuk Allah SWT.
- Dr Yusuf al-Qaradhawi telah menjawab secara panjang lebar berkenaan pembunuhan *rahmah*, antaranya ialah:
  - Memudahkan kematian tidak harus mengikut syarak kerana padanya tindakan positif dari pihak pengamal perubatan bertujuan mematikan pesakit. Segera memberi ubatan yang dos tinggi menyebabkan kematian di anggap sebagai pembunuhan. Begitu juga dengan kejutan elektrik atau alat yang tajam.
  - Memudahkan kematian yang disebabkan tidak rawatan dan tidak diberi ubat, maka perlu difahami mengikut ulama syarak bahawa merawat pesakit bukanlah wajib di sisi jumah fuqaha dan imam mazhab tetapi hukumnya harus. Mereka yang mewajibkan adalah kumpulan yang sedikit seperti sebahagian ulama Syafie dan Ahmad. (lihat *Fatawa al-Kubra*: 4/260)
  - Memudahkan kematian dengan menghentikan alat bantuan tidak dianggap satu kesalahan terutamanya pesakit seolah-olah sudah mati tanpa deria rasa. Ini kerana membiarkan dalam keadaan demikian sudah pasti memerlukan belanja yang besar. Pendapat aku ini dibentangkan dalam persidangan Ahli Fiqh dan Doktor di Kuwait dan mereka menerimanya.

## Penutup

Setelah meneliti pendapat di atas, penulis merasakan amat perlu bagi pakar perubatan menekuni isu ini supaya tidak sewenang-wenangnya meletakkan pembunuhan *rahmah* sebagai halal seperti kenyataan Dr Said Ramadhan al-Buti, Dr Abdul Fatah Asyur.

Justeru, kehidupan manusia sebagai amanah dan wajib dipelihara dan tidak boleh dicampakkan ke dalam kebinasaan tetapi sekiranya kematian berlaku sama ada pada otaknya, maka ketika itu harus dicabut alat bantuan pernafasan seperti yang dipersetujui oleh Majma' Fiqh al-Islami yang diputuskan pada 1408.

Semoga kita mendapat kefahaman yang jelas dalam isu ini. Amin.